

► ISMAIL ALI
ismail@sph.com.sg

SILAT bakal menikmati masa depan lebih cerah dengan adanya beberapa teknik baru dan sistem pemarkahan canggih dan telus yang akan menjadikannya lebih moden dan menarik.

Keyakinan itu dilahirkan oleh tiga daripada empat anggota pendukung utama Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) – terdiri daripada Singapura, Indonesia dan Brunei – dalam satu pertemuan khas menerusi wadah Zoom baru-baru ini.

Malah, kejayaan memperkenalkan teknik lebih tangkas dan menarik untuk menyerang dan menjatuhkan lawan serta sistem pemarkahan lebih moden dan telus buat julung-julung kali dalam Kejuaraan Pencak Silat Asia Tenggara (SEA) di sini pada Februari lalu mampu membawa silat – sukan yang berasal dari kampung – ke persada antarabangsa apabila ia bakal diperkenalkan sebagai sukan pertunjukan dalam Sukan Olimpik 2028 di Los Angeles, Amerika Syarikat.

“Ya, itu sasaran baru bagi silat. Kami menetapkan matlamat memperkenalkan silat sebagai sukan pertunjukan dalam Sukan Olimpik XXXIV di Los Angeles pada 2028 dan kami optimis dapat mencapainya,” jelas Teddy Suratmadji, Setiausaha Agung Persilat dan Ikatan Pencak Silat Indonesia.

“Sejak 1987 (Sukan SEA Jakarta) hingga 2019 (Sukan SEA Manila), silat diketengahkan menggunakan peraturan lama.

“Ramai yang menyifatkan acara silat yang dipertandingkan dalam Sukan SEA dan kemudian Sukan Asia sebagai membosankan, terlalu konservatif dan ‘terlalu selamat’.

“Dengan pertandingan terlalu kerap dihentikan kerana campur tangan jurulatih, pengurus dan wasit juri, penonton menjadi keliru, tidak faham.

“Bagi mereka, ia ibarat satu keseronokan yang tidak kesampaian, manakala pihak media membanding-banding silat dengan sukan lebih tangkas dan menyeronokkan seperti muay thai, karate, taekwondo dan seni pertahanan diri campuran (MMA).”

“Kami merasakan jika kami mahu membawa silat ke Sukan Olimpik, silat tidak boleh kekal begini (membosankan, terlalu konservatif dan terlalu selamat).

Jadi, selepas mengadakan pertemuan dan perbincangan yang begitu lama, bermula pada 2019, Persilat kini memperkenalkan teknik, prosedur dan pemarkahan baru bagi pertandingan silat yang bertujuan menghiburkan, menarik minat penonton di rantau ini dan di peringkat global dengan matlamat memperkenalkan silat dalam Sukan Olimpik.”

– Teddy Suratmadji, Setiausaha Agung Persilat dan Ikatan Pencak Silat Indonesia.

Menurut Teddy, yang juga Setiausaha Agung Ikatan Pencak Silat Indonesia, anggota utama Persilat mengadakan lebih 20 mesyuarat dan lebih 1,000 jam untuk mencari huraian untuk memajukan silat.

“Kami merasakan jika kami mahu membawa silat ke Sukan Olimpik, silat tidak boleh kekal begini.

“Jadi, selepas mengadakan pertemuan dan perbincangan yang begitu lama, bermula pada 2020, Persilat kini memperkenalkan teknik, prosedur dan pemarkahan baru bagi pertandingan silat yang bertujuan menghiburkan, menarik minat penonton di rantau ini dan di peringkat global dengan matlamat memperkenalkan silat dalam Sukan Olimpik,” tambah Teddy.

Beliau turut melahirkan rasa gembira dan bangga Kejuaraan SEA lalu berjalan lancar.

“Pertandingan silat dulu dan Kejuaraan SEA jauh berbeza”, ujar beliau.

Memberikan pandangan, anggota Jawatankuasa Pemandu Persilat, Sheik Alau’ddin Yacoob Marican, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Persekutuan Silat Singapura (Persisi), berkata Kejuaraan SEA yang lalu membuka mata peminat sukan dunia akan potensi silat sebagai sukan yang lebih menarik.

“Saya berasa bersyukur dapat menganjurkan Kejuaraan SEA di sini dengan semua peraturan dan teknik baru yang diperkenalkan buat julung-julung kali. Ia berjalan dengan lancar. Dengan bantuan penstriman, pertandingan ini dapat ditonton di seluruh dunia.

Pendukung utama Persilat puas hati Kejuaraan SEA jalan lancar

WAKIL anggota pengasas yang menjadi pendukung utama Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) berpuas hati bahawa pelaksanaan teknik, peraturan dan sistem pemarkahan baru pertandingan silat yang dilaksanakan buat julung-julung kali dalam Kejuaraan Pencak Silat Asia Tenggara (SEA) di Singapura pada Februari lalu berjalan lancar.

Namun, panel tiga anggota utama Persilat itu – Teddy Suratmadji, Sheik Alau’ddin Yacoob dan Pengiran Abdul Karim Pengiran Metassan, – sependapat bahawa lebih banyak kursus penyegaran peraturan akan diadakan dalam kalangan negara anggota bagi memastikan semua pihak – daripada atlet, jurulatih kepada pihak pengurusan pasukan – faham sejelas-jelasnya mengenai perubahan tersebut.

Teknik dan sistem pemarkahan baru itu – yang bertujuan menjadikan pertandingan silat lebih rancak, menarik, moden, adil dan selari dengan perkembangan teknologi – akan dilaksanakan dalam acara tanding Sukan SEA Hanoi Mei ini.

Merumuskan kesimpulan itu, Teddy, selaku Setiausaha Agung Persilat, berkata:

“Setelah menyaksikan Kejuaraan SEA, saya sebagai wakil Persilat optimis pelaksanaan teknik dan peraturan baru ini akan berjalan dengan selamat, lancar dan berkesan.

“Kami telah mengumpul maklum balas dan mengambil pelajaran daripada Kejuaraan SEA dan akan mengadakan kursus penyegaran untuk semua pihak.

“Kami masih ada beberapa minggu lagi untuk menyiapkan para wasit juri bukan hanya untuk Sukan SEA akan datang, malah hingga ke Sukan Olimpik.”

Teknik dan peraturan baru bagi acara tanding itu diperkenalkan pada Februari tahun lalu itu.

Memberikan pandangannya, Pengiran Abdul Karim, berkata kesemua perubahan itu bertujuan menjadikan pertandingan silat cantik dan menarik.

“Sesiapa yang mendalaminya akan mendapati ia lebih menarik. Kalau ada kes (tidak puas hati), mereka perlu kembali kepada asas, sama ada faham atau tidak teknik dan peraturan yang diperkenalkan,” ujarnya.

“Walau sebagai penganjur kami membelanjakan hampir \$600,000, saya bangga silat dapat mempamerkan perkembangan baru dalam pertandingan silat hinggakan banyak negara yang meluahkan hasrat membuka persekutuan untuk menyertai Persilat,” tambah Sheik Alau’ddin.

Bagi wakil Persekutuan Pencak Silat Brunei (Persib), Pengiran Abdul Karim Pengiran Metassan, pertandingan silat kini mampu menjadi acara yang cantik dan menarik.

“Silat adalah sukan warisan kita. Kepimpinan Persilat sekarang sedang berusaha gigih memajukannya,” katanya.

Langkah selanjutnya bagi Persilat sekarang, tambah Teddy, adalah membuat persiapan menuju Sukan Olimpik.

“Usaha membawa silat ke Sukan Olimpik sebenarnya sudah diambilalih oleh Indonesia kerana Jakarta pernah berusaha membida menganjurkan Sukan Olimpik pada 2032. Memandangkan Brisbane (Australia) dipilih, kami mempercepatkan sasaran itu kepada Sukan Olimpik 2028 di Los Angeles dan kami optimis, insya-Allah,” terang beliau.

Menurutnya lagi, untuk memenuhi syarat menjadi acara Olimpik, silat perlu menjadi sukan dunia yang dimainkan di 70 negara (persekutuan).

“Hari ini, setiap bulan, ada sahaja negara yang mahu menjadi anggota Persilat, yang menaungi semua persekutuan silat dunia. Yang terbaru adalah Kenya,” ujar beliau.